

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD TARMIZI BIN  
SULAIMAN [ SIK ]**

**TARIKH : 16 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN:**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan syarat kelayakan dan keterbukaan pelantikan pegawai perkhidmatan awam pelbagai bidang mengetuai jabatan di Kementerian dan agensi dalam kalangan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) dan bukan PTD.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR ABD LATIFF AHMAD  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kenaikan pangkat dan penempatan seseorang pegawai awam terutama bagi mengisi jawatan strategik seperti mengetuai sesebuah jabatan atau agensi Kerajaan akan dilaksanakan berasaskan merit. Dalam mempertimbangkan merit seseorang pegawai, Lembaga Kenaikan Pangkat mengambil kira perkara-perkara seperti berikut:

- a) kecekapan dan prestasi kerja;
- b) kelayakan, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman;
- c) sifat-sifat peribadi, termasuk kesesuaiannya dengan jawatan kenaikan pangkat itu, potensi dan kepimpinan; dan
- d) kegiatan luar dan sumbangan pegawai kepada negara dan masyarakat.

2. Selain itu, seseorang pegawai hanya boleh dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat jika pegawai tersebut telah mematuhi semua syarat yang dinyatakan dalam skim perkhidmatannya dan terdapat kekosongan dalam jawatan kenaikan pangkat itu.

3. Berdasarkan status pengisian perjawatan dalam HRMIS Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 17 Oktober 2021, bilangan pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi di Kementerian dan Jabatan Persekutuan adalah seramai 4,093 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 601 orang (14.68%) adalah daripada skim Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD), manakala seramai 3,492 orang (85.32%) adalah daripada lain-lain skim perkhidmatan.